

20 SEP 2003

BN-Samy Vellu

HANYA BN DAPAT BELA NASIB KAUM INDIA DI NEGARA INI, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Hanya Barisan Nasional (BN) yang dapat memastikan kepentingan kaum India di negara ini tidak terabai, kata Presiden MIC Datuk Seri Samy Vellu.

"Mereka (kaum India) sedar bahawa hanya kerajaan Barisan Nasional yang dapat memperjuangkan masa depan mereka agar mendapat keadilan yang sama rata dan sama-sama menikmati kemajuan dan kemakmuran negara," katanya ketika berucap pada Perayaan Ulangtahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini hari ini.

Beliau berkata sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, Malaysia boleh berbangga dengan perpaduan hidup masyarakatnya.

Ini kerana kejayaan BN menentukan semua kaum hidup harmoni dan bersatu padu yang terbit hasil daripada sikap kesederhanaan pemimpin dan ahli-ahlinya.

"Dalam mengamalkan sikap sederhana atau moderation ini, sikap tolak ansur serta mengambil kira perasaan dan sensitiviti setiap kaum sangat penting," katanya.

"Konsep 'Coalition Government' di mana sebarang masalah atau isu di kalangan parti-parti komponen diselesaikan melalui rundingan telah membawa faedah kepada rakyat berbilang kaum di negara ini. Oleh itu, sebarang perpecahan kaum, termasuk di kalangan masyarakat India, akan merugikan negara," tegasnya.

Menyingkap sejarah MIC dalam sejarah negara, Samy Vellu berkata sejak penubuhannya pada bulan Ogos 1946, parti itu telah bersama-sama membantu mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Katanya MIC juga telah menjalankan tanggungjawabnya berlandaskan Perlembagaan Negara dan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Beliau berkata selama 57 tahun, MIC telah menjaga dan meluaskan kekuatan politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan serta sosial di kalangan masyarakat India di negara ini, selain membantu mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum.

"MIC kini semakin maju ke hadapan mewakili masyarakat India di negara ini dan membawa mereka melalui arus pembangunan dan anjakan paradigma negara di era globalisasi kini," kata Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya.

Beliau turut mendedikasikan kejayaan BN dan Malaysia kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya dengan mengamalkan prinsip keadilan bagi semua kaum, Malaysia bukan sahaja berjaya menyatu-padukan rakyatnya, malah berjaya mewujudkan kestabilan politik di bawah pimpinan BN.

Rakyat Malaysia amat bertuah kerana dianugerahi seorang pemimpin seperti Dr. Mahathir yang berjiwa rakyat, bersemangat waja, prihatin, berpandangan jauh dan proaktif serta mengamalkan kesederhanaan, kata beliau lagi.

"Sifat-sifat ini turut dimiliki oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal meneruskan kecemerlangan Dr. Mahathir dalam memimpin negara serta Barisan Nasional," kata Samy Vellu.

-- BERNAMA

RBZ AZZ ROS